

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)51**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

51. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kesemua Negeri Pulau Pinang mempunyai akses internet yang laju khususnya dengan pemasangan kabel 'fibre-optic' ataupun mana-mana pun cara penyelesaian yang lain?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

51. Bagi menambah baik jaringan liputan telekomunikasi di seluruh Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan termasuk pihak swasta dalam memperkukuhkan industri telekomunikasi di negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah menghasilkan satu pelan yang di namakan *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) dimana pelan ini adalah selari dengan pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Melalui pelan JENDELA, unjuran ketersediaan infrastruktur gentian optik (FTTH) adalah sebanyak 283,989 sambungan ke premis dan mencapai liputan mudah alih 4G/LTE sebanyak 99.74% di kawasan berpenduduk menjelang bulan Disember 2022 (setelah Projek JENDELA Fasa 1 siap dilaksanakan) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelan PCMP pula telah menetapkan sasaran untuk mencapai purata kelajuan jalur lebar mudah alih sebanyak 100Mbps menjelang tahun 2025. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan jaringan liputan internet berada dalam keadaan yang terbaik, beberapa perancangan strategik telah dirangka untuk memastikan sasaran yang ditetapkan akan tercapai seperti berikut:

(i) Pengukuhan Tadbir Urus

- Menyediakan Garis Panduan Fiberisasi di Negeri Pulau Pinang;
- Mewajibkan perkongsian infrastruktur dalam kalangan syarikat telekomunikasi;

- Menguatkuasakan pemasangan komunikasi sebagai infrastruktur asas melalui Undang - undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS); dan
- Mewujudkan garis Panduan Smart Street Pole di Negeri Pulau Pinang;

(ii) Peningkatan Kualiti Infrastruktur

- Menaiktaraf infrastruktur *copper* kepada gentian optik;
- Memperkenalkan kaedah fiberisasi baharu seperti *Projek Fiber Clip On Solution*;
- Menyediakan infrastruktur gentian optik di sekolah-sekolah milik Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan *Projek Gigabit City* oleh pihak TT Dot Com; dan
- Menyediakan infrastruktur gentian optik di semua sekolah-sekolah di bawah KPM melalui pelaksanaan

projek KKMM (School Fiberization) merangkumi jajaran agensi-agensi kerajaan.

(iii) Pemantapan Advokasi Masyarakat

- Menganjurkan seminar *Electromagnetic Field* (EMF) secara berkala kepada rakyat Pulau Pinang
- Menganjurkan program kesedaran EMF kepada pelajar sekolah; dan
- Mempromosikan video penerangan EMF oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Selain itu, pelaksanaan naik taraf rangkaian telekomunikasi di negeri Pulau Pinang sehingga suku ke-3 2021 adalah seperti berikut:

Jalur Lebar Mudah Alih				Jalur Lebar Tetap	
Struktur Pemancar Baru		Naik Taraf Stesen Pemancar (4G/LTE)		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)	
Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan	Siap	Dalam Pelaksanaan
89	10	1,485	98	150,709	133,280